

TVET di Malaysia: Persepsi dan Realiti

Sebuah kaji selidik kebangsaan untuk mendalami persepsi orang awam, pelajar TVET semasa, lepasan TVET dan para majikan tentang laluan TVET.



FINCO merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua responden yang telah meluangkan masa dan usaha untuk melengkapkan soal selidik ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli industri kewangan, para pendidik serta pihak lain yang telah membantu menyebarkan soal selidik ini dan memperluaskan capaian respon. Selain itu, penghargaan khas ditujukan kepada *Financial Education Network* (FEN) atas usaha mengedarkan soal selidik ini melalui rangkaian mereka, serta kepada, Ketua Pegawai Operasi *STI College*, Dr Palvinder Singh, atas panduan dan sumbangan beliau semasa pembangunan soal selidik ini.



(No. Pendaftaran: 201701026533)

 info@finco.my

finco.my

 [finco my](#)

fincommalaysia.gov.my

 [finco my](#)



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sebarang sistem simpanan data, atau dipindahkan dalam apa-apa bentuk dan melalui sebarang cara (sama ada secara geografi, elektronik, digital, fotokopi, rakaman, pita atau seumpamanya) tanpa kebenaran daripada FINCO.

Kandungan

Penghargaan	2
Kandungan	3
Pengenalan kepada TVET	4
Reka Bentuk Kaji Selidik dan Demografi	6
Dapatan Utama	8
BAHAGIAN 1: Kesedaran tentang	9
BAHAGIAN 2: Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keputusan	12
BAHAGIAN 3: Majikan dan Kebolehpasaran	16
Kesimpulan Utama	22

Pengenalan

Istilah **Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training – TVET)** telah diperkenalkan secara rasmi semasa Kongres Antarabangsa Kedua mengenai Pendidikan Teknikal dan Vokasional pada tahun 1999 di Seoul, Republik Korea. Kongres tersebut telah mencadangkan penggunaan istilah ini “sebagai pengiktirafan terhadap proses bersepadu antara pendidikan dan latihan, serta matlamat bersama untuk menjamin peluang pekerjaan sebagai sasaran utama.” (UNESCO,1999)

Disebabkan peranannya yang kritikal dalam membekalkan individu dengan kemahiran dan pengetahuan praktikal yang diperlukan untuk pasaran kerja, kepentingan TVET semakin diangkat di peringkat kebangsaan. Perkara ini turut terserlah melalui perkembangan terkini seperti pelancaran Dasar TVET Negara 2030¹ dan inisiatif TVET Lanjutan 2030² di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical University Network – MTUN*). Ini menandakan satu perubahan yang signifikan dalam usaha memposisikan TVET sebagai laluan akademik dan profesional yang lengkap, dengan program Sarjana dan Doktor Falsafah bakal diperkenalkan pada masa hadapan.

Penyertaan dalam kursus TVET di Malaysia menunjukkan peningkatan positif, dengan 423,267 peserta berdaftar di 1,398 institusi pada tahun 2024 (*Asia Education Review*, 2025). Bagi membentuk tenaga kerja masa hadapan yang berkemahiran tinggi, relevan dan mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, adalah penting untuk mengenal pasti halangan yang menjejaskan populariti dan kemajuan TVET. Pemahaman ini dapat membantu pihak yang ingin memaklumkan masyarakat, khususnya pelajar dan keluarga mereka, tentang peranan mereka dalam menyokong aspirasi kebangsaan ini. Laporan ini bertujuan memberi panduan kepada pendidik, institusi latihan, majikan, pembuat dasar dan pihak berkepentingan lain dalam sektor pendidikan.

Gambaran Semasa Landskap TVET di Malaysia



Kadar Kekosongan dalam Sektor E&E

Kekosongan jawatan dalam bidang Elektrik dan Elektronik (E&E) melebihi 5% pada tahun 2024.



Penyertaan Belia yang Rendah

Hanya 4.3% belia Malaysia (umur 15-24 tahun) mendaftar dalam kursus teknikal atau vokasional (UNESCO UIS SDG, 2024).



Jurang Bakat dalam Kejuruteraan

Malaysia memerlukan 50,000 orang jurutera E&E setiap tahun, namun universiti tempatan hanya melahirkan 5,000 orang graduan (MITI, 2024).



Kebolehpasaran Lulusan TVET yang Tinggi

Kebolehpasaran lulusan TVET meningkat daripada 65.5% (2010) kepada 94.0% (2023) (KPT, 2024).



Permintaan Tinggi terhadap Pekerja Separuh Mahir

Sebanyak 55.9% kekosongan jawatan pada tahun 2024 adalah bagi pekerjaan separuh mahir (DOSM, 2024).



Ketidakpadanan Pekerjaan (KPT, 2024)

- 70% lulusan TVET mengalami ketidakpadanan pekerjaan (menegak atau mendatar).
- 43% tidak bekerja dalam bidang yang dipelajari.

¹ [Dasar TVET Negara](#)

² [Gamechanger for TVET](#)

Objektif-objektif Kaji Selidik Ini

Kajian ini bertujuan untuk memahami tiga kumpulan utama:

1



Belia & Orang Awam

Untuk mengupas persepsi pelajar dan orang awam berumur 16 tahun ke atas terhadap TVET bagi memahami dengan lebih mendalam faktor yang mempengaruhi pemilihan pendidikan dan kerjaya mereka.

2



Pelajar TVET Semasa & Lulusan TVET

Untuk mengkaji pengalaman sebenar pelajar TVET semasa dan lulusan TVET, termasuk keputusan di sebalik perjalanan pendidikan mereka, serta kaitan latihan yang diterima dengan keperluan majikan.

3



Majikan

Untuk memahami persepsi majikan terhadap kualiti dan kerelevanan lulusan TVET, serta mendapatkan pandangan mengenai amalan pengambilan pekerja.

Reka Bentuk Kaji Selidik dan Demografi

Konsep dan Definisi

Kajian ini mengguna pakai takrifan menyeluruh bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training* – TVET) sebagai komponen dalam sistem pendidikan yang bertujuan menyediakan individu untuk alam pekerjaan melalui pelbagai pendekatan pembelajaran yang tertumpu kepada pembangunan kemahiran praktikal dan kesesuaian dengan keperluan tempat kerja. Di Malaysia, semua kelayakan TVET hendaklah mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) Edisi Kedua (2024).

Kajian ini menggunakan konteks berikut berkaitan laluan TVET di Malaysia:

 Tahap Kelayakan TVET	 Jenis-jenis Institusi yang Memberi Kelayakan TVET	 Kursus-kursus dan Kelayakan TVET
Sijil	Kolej	Kelayakan yang menekankan pengetahuan teknikal dan vokasional serta piawaian pekerjaan industri.
Diploma		
Diploma Lanjutan	Politeknik	
Sijil Siswazah	Institut latihan kemahiran	
Diploma Siswazah		
Ijazah Sarjana Muda	Universiti	


Kajian ini bertujuan memperoleh dapatan dalam tiga komponen utama:



Bagi memperoleh dapatan ini, satu soal selidik dalam talian telah digunakan untuk mengumpul maklum balas daripada belia dan orang awam, merangkumi responden berumur 16 tahun ke atas yang tidak terlibat secara langsung dalam sektor TVET, pelajar yang sedang mengikuti pengajian TVET, lepasan TVET yang baru tamat pengajian, serta majikan. Soal selidik ini merangkumi gabungan soalan tertutup dan terbuka bagi membolehkan analisis kuantitatif dan kualitatif dijalankan.


Tarikh akhir pengumpulan data bagi laporan ini ialah pada 11 November 2024.

Demografi Data



Maklum balas telah diterima daripada semua negeri dan wilayah persekutuan di seluruh Malaysia, dengan Selangor menyumbang lebih daripada 50% responden dalam kalangan pelajar TVET semasa dan lepasan TVET.

Para pelajar TVET semasa dan lepasan TVET yang memberi maklum balas adalah daripada 13 jenis kursus berbeza, dengan kumpulan terbesar (67%) mengikuti kursus dalam bidang kejuruteraan dan pembuatan, diikuti oleh bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) (15%) serta bidang Kreatif (7%).



Dapatan Utama

#1



Tahap Pengetahuan TVET

Majoriti responden menunjukkan tahap pengetahuan yang rendah mengenai TVET.

Kebanyakan responden mempunyai pengetahuan terhadap tentang tahap kelayakan TVET, institusi yang menawarkan kelayakan TVET serta pelbagai kursus dan kelayakan TVET yang tersedia.

#2




Persepsi terhadap Kelayakan TVET

Majoriti belia, pelajar dan lepasan TVET melihat TVET sebagai laluan yang bersifat praktikal dan berfokus kepada kebolehpekerjaan.

Kebanyakan pelajar dan lepasan TVET memilih TVET untuk mencapai matlamat peribadi dan kerjaya mereka.

#3



Kebolehpasaran Lulusan TVET

Majoriti responden yang mempunyai lebih banyak pengalaman dalam TVET mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap kebolehpasaran lulusan TVET.

Sebab utama yang dinyatakan oleh majikan yang tidak mempunyai permintaan terhadap lulusan TVET adalah disebabkan oleh polisi syarikat.

BAHAGIAN 1

Kesedaran tentang TVET



Tahap pengetahuan TVET diukur berdasarkan pengetahuan responden terhadap perkara berikut:

Tahap Kelayakan

TVET: Para responden diminta mengenal pasti tahap kelayakan TVET berdasarkan 8 pilihan yang diberikan.

Institusi TVET:

Para responden diminta mengenal pasti institusi yang menawarkan kursus dan kelayakan TVET berdasarkan 5 pilihan yang diberikan.

Kursus-kursus dan

Kelayakan TVET: Para responden diminta mengenal pasti **5 atau lebih kursus TVET** daripada 19 pilihan yang diberikan.

Penunjuk Tahap Pengetahuan Keseluruhan TVET:

- 0-1 jawapan dengan betul = tahap pengetahuan TVET rendah
- 2 jawapan dengan betul = tahap pengetahuan TVET sederhana
- 3 jawapan dengan betul = tahap pengetahuan TVET tinggi

Secara purata, 90% daripada jumlah responden mempunyai pengetahuan terhadap TVET.

Perincian lanjut bagi setiap kumpulan demografi mengikut setiap penunjuk di bawah.

Tahap Kelayakan TVET

96%

daripada semua responden **TIDAK** mengetahui sepenuhnya tahap kelayakan TVET yang ditawarkan.

- 92% - Belia & Orang Awam
- 98% - Pelajar TVET
- 93% - Lulusan TVET
- 100% - Majikan

Penelitian yang Lebih Mendalam...




87.7%

pelajar TVET semasa tidak mengetahui bahawa TVET menawarkan kelayakan sehingga peringkat ijazah.

Semua responden beranggapan bahawa TVET hanya menawarkan kelayakan sehingga:

- 23% Sijil
- 28% Diploma
- 17% Diploma Lanjutan
- 15% Ijazah Sarjana Muda
- 5% Diploma Pascasiswazah
- 4% Ijazah Sarjana (*Master's Degree*)
- 9% Ijazah Kedoktoran (*PHD*)



Institusi TVET

88%

daripada semua responden **TIDAK** mengetahui rangkuman institusi yang menawarkan kursus TVET.

Perincian setiap kumpulan utama yang **TIDAK** mengetahui keseluruhan institusi yang menawarkan kursus TVET:



86%

Belia & Orang Awam



94%

Pelajar TVET



79%

Lepasan TVET



64%

Majikan

Kursus-kursus & Kelayakan TVET

52%

daripada semua responden **TIDAK** dapat mengenal pasti 5 atau lebih jenis kursus TVET yang ditawarkan.



Kursus-kursus yang **paling kurang dikenal pasti** sebagai kursus TVET oleh responden



1%

Kewartawanan



3%

Perakaunan



3%

Sains Sukan



3%

Pemasaran



4%

Kejururawatan



Kajian ini turut mengumpulkan data mengenai cara belia dan orang awam, pelajar TVET semasa serta lepasan TVET memperoleh maklumat mengenai TVET.

Responden diminta memilih semua sumber maklumat daripada senarai berikut:



Ibu Bapa



Kaunselor sekolah



Platform media sosial (IG, TikTok, Facebook, X, LinkedIn, dsbg)



Kawan-kawan




Kajian sendiri




Tidak pernah menemui sebarang maklumat mengenai TVET

Media sosial adalah pilihan utama dalam penerimaan maklumat berkaitan TVET.

Walaupun ibu bapa dan kaunselor kekal sebagai sumber maklumat yang lazim, media sosial memainkan peranan paling signifikan (28%) dalam meningkatkan pengetahuan belia dan orang awam mengenai TVET.



Tahap pengetahuan TVET adalah tertinggi dalam kalangan pengguna media sosial.



BAHAGIAN 2

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keputusan

Semua responden diminta untuk memilih faktor-faktor yang mempengaruhi proses membuat keputusan mereka serta persepsi terhadap kelayakan TVET.

Mereka diminta untuk menyatakan:

Pelajar TVET semasa dan lepasan TVET: Sebab memilih laluan TVET berdasarkan 8 pilihan yang diberikan, atau menyatakan pilihan lain yang tidak disenaraikan.

Golongan Belia: Sebab tidak memilih laluan TVET berdasarkan 8 alasan yang diberikan, atau menyatakan alasan lain yang tidak disenaraikan.

Golongan belia, pelajar TVET semasa dan lepasan TVET: Persepsi sendiri dan ibu bapa terhadap kelayakan TVET.



Faktor yang Mempengaruhi Keputusan untuk Mengikuti Kursus TVET: Pelajar TVET Semasa & Lepasn TVET

66%

37%
Minat

29%
Kebolehpasaran

pelajar TVET semasa & lepasn TVET memilih TVET kerana **Minat Peribadi** dan **Matlamat Kerjaya**.

19% memilih TVET kerana Pengaruh Sosial

15% memilih TVET kerana Kebolehpasaran



19% chose TVET because of Social Influence:

9%
Didorong oleh orang lain

8%
Didorong oleh ibu bapa


2%
Dipengaruhi oleh rakan

15% chose TVET because of Accessibility:

7% - Kemampuan dari segi kewangan
6% - Penempatan hanya ditawarkan oleh institusi TVET


2%
Lokasi berdekatan rumah

Lepasan TVET melaporkan persepsi yang lebih positif terhadap kelayakan mereka berbanding pelajar TVET semasa.




Walaupun ada yang pada awalnya ragu-ragu untuk memilih laluan TVET, perubahan positif yang ketara dapat dilihat—dengan purata 43% melaporkan peningkatan pandangan semasa mengikuti pengajian. Hanya sebilangan kecil yang mengalami perubahan negatif, menunjukkan bahawa pengalaman mengikuti TVET lazimnya mengukuhkan keyakinan terhadap nilainya.


Kelayakan TVET secara umumnya dilihat sebagai praktikal dan berfokus kepada kebolehpasaran kerja oleh golongan belia.



Walaupun 17% belia menyatakan mereka pasti akan memilih kelayakan TVET, selebihnya dihalang oleh faktor-faktor berikut:



Persepsi ibu bapa terhadap TVET dibentuk oleh pengalaman anak-anak mereka dalam kursus tersebut.



Persepsi ibu bapa terhadap TVET **berubah secara positif** melalui pengalaman anak-anak mereka, dengan lebih 40% ibu bapa pelajar TVET semasa dan lepasan TVET melaporkan perubahan daripada negatif kepada positif.

- Berubah menjadi Positif
- Sentiasa Positif
- Kekal Negatif/Tak Pasti



BAHAGIAN 3

Majikan dan Kebolehpasaran



Kaji selidik ini mengenal pasti persepsi majikan terhadap lepasan TVET serta kebolehpasaran mereka melalui soalan-soalan berikut:

#1

Apakah tahap permintaan lepasan TVET berkelulusan Sijil atau Diploma Malaysia di syarikat anda?

#2

Adakah syarikat anda dapat memenuhi permintaan tersebut?

#3

Sejauh mana kemahiran lepasan TVET selaras dengan keperluan tenaga kerja?

Kadar kebolehpasaran lepasan kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kini mencapai purata 94.5%, menurut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi. Peningkatan ini diiringi oleh kenaikan pendaftaran pelajar daripada 407,000 kepada 423,000 pada tahun 2024, menunjukkan minat yang semakin bertambah terhadap laluan TVET (Selangor Journal, 2025).

Bahagian ini membentangkan dapatan yang memberi gambaran tentang perspektif majikan, termasuk dari sektor pendidikan dan latihan, mengenai nilai kelayakan TVET serta permintaan terhadap lepasan TVET.

Pasaran tenaga kerja sentiasa mempunyai permintaan tinggi terhadap lepasan TVET, kecuali apabila polisi syarikat menjadi halangan.

■ **42%**

Permintaan Tinggi

■ **15%**

Tiada Permintaan

■ **24%**

Permintaan Sederhana

■ **19%**

Permintaan Terhad



Menurut dapatan,

66%

majikan mempunyai permintaan sederhana hingga tinggi terhadap lepasan TVET

dalam organisasi mereka, manakala hanya 16% majikan tidak mempunyai permintaan terhadap lepasan TVET.



24%

majikan yang mengambil lepasan TVET sebagai pekerja berpendapat bahawa pasaran kerja memerlukan lebih ramai lepasan TVET.

Polisi syarikat dan pengutamaan pemegang ijazah merupakan sebab utama majikan tidak mengambil lepasan TVET.

#1



33%

Dasar Syarikat

#2



33%

Pemegang ijazah boleh belajar kemahiran baharu dengan lebih cepat

#3



17%

Kurang pemahaman tentang kelayakan TVET


#4



17%

Hanya pemegang ijazah mempunyai kemahiran teknikal yang diperlukan

Polisi (dalaman) syarikat (33%) dan persepsi yang tidak disahkan bahawa lepasan TVET tanpa ijazah kurang berupaya mempelajari kemahiran baru (33%) mungkin menghalang pengambilan lepasan TVET yang cukup kemahiran.



Bahagian seterusnya membandingkan persepsi terhadap TVET dalam kalangan tiga demografi utama: belia & orang awam, pelajar TVET semasa dan lepasan TVET, serta majikan dalam sektor pekerjaan.

Untuk tujuan analisis ini, majikan diklasifikasikan kepada dua kategori:


Majikan Pendidikan & Latihan:

Mereka yang bekerja dalam sektor pendidikan dan latihan (*contoh: guru, jurulatih, pensyarah*).

Majikan Bukan Pendidikan & Latihan:

Mereka yang mewakili industri dan organisasi di luar sektor pendidikan.

Pelajar dan lepasan TVET memandang kelayakan mereka secara positif. Majikan turut berkongsi persepsi yang sama.




Persepsi terhadap kebolehpasaran lebih positif dalam kalangan mereka yang mempunyai pengalaman langsung dengan TVET dan kurang dalam kalangan yang tiada pengalaman. Majikan dalam sektor pendidikan & latihan serta yang bukan pendidikan & latihan dipisahkan untuk menggambarkan perspektif khusus sektor dengan lebih tepat.

Persepsi terhadap kebolehpasaran lepasan TVET cenderung berkait rapat dengan tahap kefahaman atau pengalaman langsung responden terhadap sistem tersebut. Mereka yang lebih terlibat atau terdedah dengan TVET—seperti pelajar TVET semasa, lepasan dan majikan yang pernah mengambil tenaga kerja TVET—biasanya mempunyai pandangan yang lebih positif, khususnya berkaitan kesesuaian kemahiran dengan pasaran kerja.

Majoriti besar pelajar TVET semasa (76%) dan lepasan TVET (80%) percaya bahawa majikan menganggap kelayakan TVET setara atau lebih baik berbanding kelayakan akademik lain. Seiring dengan itu, 82% majikan yang pernah mengambil lepasan TVET melaporkan bahawa individu-individu tersebut mempunyai sekurang-kurangnya beberapa kemahiran penting, malah ada yang memiliki kebanyakan kemahiran dan pengetahuan diperlukan bagi tugas mereka.

Sebaliknya, dalam kalangan belia dan orang awam, persepsi positif adalah lebih sederhana, dengan 61% bersetuju bahawa TVET menawarkan peluang pekerjaan yang relevan, gaji yang kompetitif, kemahiran amali di tempat kerja dan laluan kerjaya yang praktikal.



61%

belia dan orang awam mempunyai persepsi positif tentang TVET kerana kesesuaian pekerjaan, gaji yang kompetitif, kemahiran praktikal dan peluang kemajuan kerjaya.

■ Setuju ■ Neutral
■ Tidak Setuju

Penelitian yang Lebih Mendalam...



45%

belia mempunyai persepsi positif terhadap TVET berdasarkan ketiga-tiga penunjuk di atas

tetapi...


Hanya

35%

daripada mereka akan pilih aliran TVET.

Jurang jangkaan dalam industri TVET antara Majikan Pendidikan & Latihan dan Majikan Bukan Pendidikan & Latihan

Kami bertanya kepada majikan mengenai perubahan yang mereka mahu lihat dalam sektor TVET dalam tempoh lima tahun akan datang. Walaupun 14% menyatakan keperluan untuk lebih ramai lepasan TVET peringkat sijil dan diploma, jawapan paling kerap ialah berkaitan kesesuaian dengan keperluan industri. Terdapat perbezaan ketara antara respons majikan dari sektor pendidikan & latihan dan sektor bukan pendidikan & latihan – menunjukkan keutamaan dan jangkaan yang berbeza terhadap masa depan TVET.



Cadangan Majikan Untuk Penambahbaikan Dalam Sektor TVET

#1



25%

majikan mahu kursus TVET diselaraskan dengan lebih baik mengikut keperluan industri

37% - Sektor Pendidikan & Latihan
63% - Sektor Bukan Pendidikan & Latihan

#2



23%

majikan mahu kualiti lepasan dipertingkatkan

48% - Sektor Pendidikan & Latihan
52% - Sektor Bukan Pendidikan & Latihan

#3



17%

majikan berpendapat gaji yang lebih tinggi perlu dipertimbangkan

68% - Sektor Pendidikan & Latihan
32% - Sektor Bukan Pendidikan & Latihan

#4



14%

majikan berpendapat lebih banyak program latihan industri perlu ditawarkan

59% - Sektor Pendidikan & Latihan
41% - Sektor Bukan Pendidikan & Latihan

**Sebanyak 21% daripada responden menyatakan bahawa tenaga kerja memerlukan lebih ramai graduan TVET (14%), manakala 7% lagi berpendapat bahawa tiada perubahan diperlukan.*



Respons majikan mungkin mencerminkan pandangan individu mengenai sama ada tanggungjawab menarik minat belia ke arah TVET dan melahirkan lepasan yang bersedia bekerja lebih terletak pada institusi pendidikan atau majikan itu sendiri.



Kesimpulan Utama



Pengalaman TVET memberi impak positif terhadap persepsi

Dapatan menunjukkan individu yang mempunyai pengalaman sebagai pendidik TVET, pelajar, atau majikan kepada pekerja lepasan TVET memegang pandangan yang jauh lebih positif mengenai nilai pendidikan TVET. Perubahan positif ini berlaku walaupun persepsi awal mereka negatif. Untuk menangani persepsi TVET sebagai laluan pendidikan kurang bernilai, strategi seperti melibatkan pelajar dan ibu bapa sebagai duta, lawatan ke kampus dan sesi pengenalan boleh membantu meningkatkan penerimaan.

Kesedaran terhad mengenai pendidikan TVET mungkin menjejaskan imejnya

Walaupun kursus seperti perakaunan, kewartawanan dan kejururawatan adalah kategori vokasional, mereka sering tidak dikenali sebagai TVET kerana statusnya yang dianggap lebih tinggi berbanding kerjaya yang dianggap 'manual'. Menonjolkan kelayakan sebegini boleh mengukuhkan imej TVET dan mempercepatkan penerimaan yang kini semakin meningkat.



Pulangan pelaburan pendidikan TVET adalah tinggi

Dapatan menunjukkan kesedaran yang kuat tentang kadar kebolehpasaran tinggi lepasan diploma TVET dan ini menandakan pulangan pelaburan yang baik. Permintaan pasaran yang tinggi terhadap para lepasan TVET turut menjanjikan prospek gaji yang menarik, terutama bagi mereka yang memilih bidang khusus yang mempunyai permintaan tinggi (in-demand). Selain itu, kemahiran khusus lepasan TVET membolehkan mereka mengejar peluang keusahawanan yang boleh meningkatkan pendapatan.



Pengaruh sosial memainkan peranan besar dalam pemilihan laluan pendidikan

Lebih daripada satu perempat responden belia menyatakan media sosial sebagai sumber utama maklumat mengenai TVET, bermakna ada peluang yang jelas untuk memanfaatkan platform digital. Dengan kerjasama bersama para pengengaruh, pendidik dan pemimpin industri, kualiti, ketepatan dan keterlihatan kandungan TVET dapat dipertingkatkan untuk meningkatkan kesedaran awam.

Syarikat mungkin terlepas peluang berharga membentuk lepasan berkemahiran

Terdapat petunjuk bahawa polisi syarikat menghalang pengambilan lepasan peringkat Diploma dan Sijil. Dengan perubahan dinamik perniagaan dan permintaan tinggi terhadap kepakaran teknikal, semakan semula program untuk lepasan TVET adalah wajar untuk membentuk dan mengasah bakat masa depan ke bidang yang paling diperlukan.



Kerjasama lebih erat antara industri dan sektor akademik memberi manfaat bersama

Untuk menyediakan pelajar yang lebih bersedia untuk menghadapi pasaran kerja, kerjasama rapat antara pendidik dan majikan adalah penting. Walaupun terdapat usaha menyelaraskan kurikulum TVET dengan piawaian pekerjaan, isu jurang kemahiran dan kualiti lepasan masih wujud. Kolaborasi yang memberi manfaat kepada semua pihak boleh menutup jurang ini melalui penambahbaikan kurikulum dan penyediaan peralatan latihan terkini, sekali gus melahirkan lepasan yang lebih bersedia untuk pasaran kerja.

Rujukan

Asia Education Review. (2025, May 27). TVET Enrollment Surges in Malaysia as Trades Gain Popularity. Asia Education Review. <https://www.asiaeducationreview.com/management/news/tvet-enrollment-surges-in-malaysia-as-trades-gain-popularity-nwid-4082.html>

Kementerian Perlombongan, Perdagangan dan Industri (MITI), MITI Dialogue Session, [Disebut oleh Menteri Perlombongan, Perdagangan dan Industri (MITI) sewaktu sidang akhbar MITI Dialogue Session]

Malaysian Qualifications Agency. (2024). Malaysian Qualifications Framework (2024) (Second ed.). Malaysian Qualifications Agency. [https://www.mqa.gov.my/new/document/2024/new/MQF%20\(2024\).pdf](https://www.mqa.gov.my/new/document/2024/new/MQF%20(2024).pdf)

MoHE. (2024, December). MoHE Dashboard. Ministry of Higher Education: Broadcast. <https://www.mohe.gov.my/en/broadcast/dashboard-statistic>

Selangor Journal. (2025, February 19). TVET graduates' employability rate reaches 94.5 pct — DPM. Selangor Journal. <https://selangorjournal.my/2025/02/tvet-graduates-employability-rate-reaches-94-5-pct-dpm/#:~:text=Zahid%2C%20who%20is%20also%20the,compared%20to%20407%2C000%20in%202023>

TVET Journal. (2021, February 8). TVET definition: the TVET meaning and what it stands for. TVET Journal. Retrieved July 10, 2025, from <https://tvetjournal.com/tvet-systems/tvet-definition-the-tvet-meaning-and-what-it-stands-for/>

UNESCO. (2024, December). TVET Country Profile. UNESCO Institutional Centre for Technical and Vocational Education and Training. <https://unevoc.unesco.org/home/Dynamic+TVET+Country+Profiles/country=MYS>



FINCO

Financial Industry Collective Outreach (FINCO)

(Company No.: 201701026533)

Tingkat 2, Bangunan AICB, 10 Jalan Dato' Onn, 50480, Kuala Lumpur

 info@finco.my

 [finco_my](https://www.instagram.com/finco_my)

 [fincomalaysia](https://www.facebook.com/fincomalaysia)

 [finco_my](https://www.youtube.com/finco_my)

 [finco.my](https://www.tiktok.com/finco.my)

[finco.my](https://www.finco.my)